

Covid 19: Perniagaan pasar malam merosot semenjak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Oleh: Rosmawati Ashaari 1180200

PERLIS: Pasar malam dahulunya menjadi tumpuan pembeli kini lenggang. Rata-rata peniaga Pasar Malam Titi Chai telah mengeluh bahawa hasil jualan mereka semakin merosot semenjak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan susulan peningkatan kes COVID -19 di negara ini.

Walaupun perniagaan pasar malam dan pasar pagi dibenarkan beroperasi sejak 15 Jun dengan mengikuti prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan, Namun kebanyakan peniaga berasa gusar kerana perniagaan mereka semakin terjejas.



Keadaan di sekitar Pasar Malam Titi Chai, Perlis.

Majlis Perbandaran Kangar (MPK), dalam satu kenyataan, berkata, sebagai penganjur pasar malam, mereka turut menyedari ramai dikalangan peniaga dan penjaja telah hilang sumber pendapatan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan wabak COVID-19.



“Pandemik Covid - 19 dan pelaksanaan PKP ini sangat memberi kesan dan menyebabkan kejatuhan mendadak dalam pendapatan yang diperoleh oleh peniaga kerana itulah satu-satunya sumber rezeki mereka.

Suasana yang lenggang di sekitar Pasar Pagi Kuala Perlis.

“Malah, para penjaja dan peniaga pasar malam juga terpaksa menanggung kerugian yang banyak ekoran bilangan pengunjung yang tidak ramai seterusnya mempengaruhi kelangsungan perniagaan,” katanya.

Peniaga pakaian, Zainab Ismail, berkata, sejak Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilaksanakan hasil jualan semakin merosot kerana masih ramai yang takut untuk keluar ke tempat awam termasuklah pasar malam dan pasar tani.

“dahulu hasil jualan saya boleh dianggarkan RM 700 sehari. Namun Sejak kebelakangan ini, jumlah keuntungan yang diperolehi tidak sampai RM 400 sehari,” katanya ketika ditemui disini

Sementara itu, Peniaga makanan yang hanya mahu dikenali sebagai Rofeah Isa, turut mengakui hasil jualan juga semakin merosot sehinggakan terpaksa membuang lebih makanan dan minuman yang tidak terjual.



“Pendapatan saya pada tahun ini boleh dikatakan paling teruk sepanjang tempoh 12 tahun berniaga, kerana hasil jualan saya sekarang tidak mencapai RM 200 sehari sedangkan dahulu hasil jualan saya mencecah RM 500- RM 600 sehari.

Kedaaan Pasar Tani Taman Sena, Perlis sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

“Saya sangat berterima kasih kepada kerajaan kerana telah membantu kami penjaja dan peniaga kecil dengan memberi pelbagai pakej ransangan bagi membantu perniagaan kami, walaupun perniagaan semakin merosot, saya masih lagi dapat menampung perbelanjaan seharian keluarga.

“Biarpun Perlis tidak mencatat rekod yang tinggi jangkitan COVID-19, namun semua masyarakat mestilah sentiasa berjaga-jaga dan mengikuti setiap saranan Kementerian Kesihatan bagi membendung virus ini daripada terus tersebar,” katanya.